

23 DEC 1998

DEWAN LULUS USUL SOKONG KEPIMPINAN DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 23 Dis (Bernama) -- Dewan Pengawet Tembakau Malaysia (DPTM) meluluskan usul tergepar dalam mesyuarat agung ke-17 pada 18 Dis lepas, yang diadakan di sini, bagi menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Yang Dipertua DPTM, Mohamad Daud Ahmad berkata dalam satu kenyataan, usul berkenaan menyatakan bahawa DPTM berdiri teguh di belakang Dr Mahathir dalam menghadapi kegawatan ekonomi dan politik yang sedang melanda, serta menaruh keyakinan penuh dengan kepimpinan beliau dalam menangani isu-isu berkenaan.

DPTM yakin dengan pengalaman Dr Mahathir, untuk memulihkan negara dan rakyat akan menikmati kembali kehidupan yang lebih selesa, katanya dalam kenyataan itu.

Mohamad Daud berkata, usul berkenaan telahpun dihantar kepada Dr Mahathir.

-- BERNAMA

ZI RI